

Raih laba \$1,000 sebulan selama setahun

Suri rumah menang anugerah dek usaha selepas ikuti program AMP dan SME

▶ **ATIYYAH MOHD SAID**
atiyyahm@sph.com.sg

SEJAK lulus daripada Program Perniagaan Mikro kendalian Angkatan Karyawan Islam (AMP) dengan kerjasama Pusat Syarikat Kecil dan Sederhana (SME) di bawah Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS) pada 2011, Cik Julina Ahmad telah meraih keuntungan konsisten sebanyak \$1,000 sebulan bagi sepanjang satu tahun daripada perniagaan makannanya.

Kemajuan yang menggalakkan itu membolehkan beliau meraih Anugerah Usahawan Berpotensi oleh AMP dan menerima wang tunai \$1,500.

Anugerah yang dilancarkan pada 2009 itu diberikan kepada bekas lulusan Program Perniagaan Mikro yang berjaya mengekalkan perniagaan serta menunjukkan potensi untuk mengembangkannya.

Satu lagi kriteria anugerah itu ialah peniaga harus menjana keuntungan sekitar \$1,000 sebulan untuk setahun.

Sejak menyertai program



PENIAGA BERPOTENSI: Cik Julina mampu membuktikan keupayaannya berniaga dengan konsisten selepas lulus program AMP pada 2011 sehingga ke hari ini. – Foto-foto M.O. SALLEH

yang dikendalikan, pendapatan Cik Julina bagi perniagaannya, Julicious Catering, melonjak empat kali ganda.

Cik Julina, 41 tahun, berkongsi beliau mula berniaga dari rumah kerana ingin membantu menyumbang kepada ekonomi keluarga.

“Saya memang berhasrat me-

nolong suami saya yang gajinya tidak besar selaku seorang pengendali kren, apatah lagi harus menanggung saya dan lima anak.

“Memandangkan saya pernah menolong bapa saya mengendalikan gerai makannya, saya terfikir untuk menggunakan kemahiran memasak lauk-pauk Melayu sebagai sumber perniagaan,” ujarnya.

Menurut Cik Julina lagi, cabaran berdepan dengan masalah kewangan seperti bil tertunggak telah menguatkannya meningkatkan kemahirannya dalam bidang masakan.

Ini termasuk menjalani kursus membuat pastri dan kek dengan sekolah setempat, Siti's Delights, dan juga memutuskan menyertai program AMP.

“Dari segi kemahiran masak-memasak itu sudah ada, tetapi dari sudut pengurusan perniagaan itu memang kurang.

“Jadi setelah saya mengikuti program AMP, banyak yang dipelajari termasuk cari berniaga dengan betul. Suami dan bapa banyak mendorong saya kerana sedar potensi saya dalam bidang ini,” tambahnya.

Dengan wang kemenangannya itu, Cik Julina merancang melaburkan dalam perkakas masakan baru agar dapat meningkatkan keupayaannya.

Mengenai rancangan seterusnya, beliau yang sudah dua tahun bekerjasama dengan Masjid Al-Ansar menawarkan khidmat penghantaran makanan untuk warga emas, dijangka mengambil alih gerai bapanya pada tahun depan.

“Ini adalah satu cara saya mengembangkan perniagaan makanan agar tidak terhad di rumah. Di samping itu, saya juga berharap mendapatkan sebuah dapur pusat dan pekerja agar saya dapat tingkatkan penghasilan produk kek dan pastri saya,” ujar beliau lagi.